

KANDUNGAN

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-44.....	1
AGENDA MESYUARAT.....	2
MAKLUMAT KOPERASI.....	3
MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI KOGUMA BERHAD KALI KE-43 TAHUN 2024.....	6
LAPORAN TAHUNAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI.....	25
LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN.....	47
ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN TAHUN 2026.....	49

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-44



KOPERASI KOGUMA BERHAD

Bil Kami : KOGUMA-100-7/02(AGM-44)
Tarikh : 20 Mei 2025

Anggota Perwakilan
Koperasi KOGUMA Berhad

Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-44 TAHUN 2025 **KOPERASI KOGUMA BERHAD**

Dengan ini dimaklumkan bahawa **Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-44 Tahun 2025** Koperasi KOGUMA Berhad akan diadakan seperti maklumat berikut:

Tarikh : 14 Jun 2025
Hari : Sabtu
Tempat : Raja Laut Ballroom
IDEAS KUALA LUMPUR
No. 12, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur.
Pendaftaran : 9.00 pagi

ATURCARA MAJLIS

09.00 pagi : Pendaftaran anggota perwakilan
09.30 pagi : Ucapan aluan Pengerusi Majlis
09.40 pagi : Bacaan Doa
09.45 pagi : Ucapan oleh Tuan Haji Nor Adzmi bin Baba, AMN
Pengerusi
Koperasi KOGUMA Berhad
: Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-44
dimulakan

AGENDA MESYUARAT

1. Melantik Pengerusi Mesyuarat.
2. Memilih enam (6) orang anggota perwakilan dan empat (4) orang Anggota Lembaga Koperasi untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-44.
3. Memilih dan melantik dua (2) orang Pengesah Undian.
4. Menerima dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-43 pada 29 Jun 2024.
5. Memilih tiga (3) orang Anggota Lembaga Koperasi tahun 2025/2028 untuk mengisi jawatan Anggota Lembaga Koperasi yang cukup tempoh perkhidmatannya.
6. Membentangkan dan menerima laporan tahunan tahun 2024 :
 - 6.1 Laporan Tahunan Anggota Lembaga Koperasi
 - 6.2 Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman
7. Membentangkan Laporan Kewangan Tahun 2024.
 - 7.1 Membentangkan dan menerima Penyata Kewangan beraudit berakhir 31 Disember 2024.
 - 7.2 Laporan Juruaudit Luar
 - 7.3 Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengenai akaun kewangan tahun 2024.
8. Menimbang dan meluluskan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2026.
9. Meluluskan cadangan pembahagian keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.
 - 9.1 Pembahagian dividen atas syer
 - 9.2 Pembahagian dividen atas yuran
10. (a) Memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pengurusan untuk Pinjaman Luar tidak lebih daripada RM10,000,000.00 dengan faedah tidak melebihi daripada faedah pasaran.
(b) Memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pengurusan untuk melabur tidak lebih daripada RM10,000,000.00.
11. Melantik firma audit untuk Juruaudit Luar bagi tahun 2025.
12. Mengumumkan keputusan undi pemilihan Anggota Lembaga Koperasi tahun 2025/2028.
13. Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan Undang-undang Kecil Koperasi.
14. Membahaskan usul-usul. (Jika ada)
15. Ucapan penangguhan.

Yang menjalankan tugas,



Haji Rusli bin Sulaiman
Setiausaha
KOPERASI KOGUMA BERHAD

MAKLUMAT KOPERASI

KOPERASI KOGUMA BERHAD

Ditubuhkan pada 4 Januari 1980.

Bil. Daftar Koop. Peringkat Negara No. 35.

Bil. Koop. IP. 5294/1.

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI KOGUMA BERHAD 2024/2025



PENGERUSI
Tuan Haji Nor Adzmi
bin Baba, AMN



SETIAUSAHA
Tuan Haji Rusli bin
Sulaiman



BENDAHARI
Encik All Johari bin
Ibrahim, PKC



ANGGOTA LEMBAGA
Encik Musa bin Jaafar



ANGGOTA LEMBAGA
Encik Md Nasir bin Omar



ANGGOTA LEMBAGA
Encik Shahidan bin
Haji Said



ANGGOTA LEMBAGA
Encik Razaini bin Awang



ANGGOTA LEMBAGA
Encik Mohd Azizi bin
Mohd Basri, AMP



ANGGOTA LEMBAGA
Encik Wan A'mran bin
Wan Mohamed

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN 2024/2025



PENGERUSI
Encik Badarul Hisham bin
Shahudin, A.M.W



JAWATANKUASA
Encik Zulkifli bin
Othman



SETIAUSAHA
Encik Aziz bin Hashim



JAWATANKUASA
Encik Muhamad Fuad
bin Omar

JURUAUDIT LUAR

HISHAM & CO.

12 First Floor (Room A)

43200 Cheras, Selangor.

BANK

CIMB BANK BERHAD

Ground Floor, Bgn. Commerce Life
338 Jalan Tuanku Abdul Rahman
50100 Kuala Lumpur.

BANK RAKYAT

Tingkat Bawah, Blok B
KIP Corporate Tower
Jalan Kuching
68100 Selayang, Kuala Lumpur.

LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN 2024

Minit
Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan
29 Jun 2024

**MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI KOGUMA BERHAD KALI
KE-43 TAHUN 2024**

TARIKH : 29 Jun 2024
HARI : Sabtu
MASA : 10:30 pagi
TEMPAT : IDEAS KUALA LUMPUR
12, Jalan Raja Laut, Chow Kit
50350 Kuala Lumpur

KEHADIRAN : 69 / 74 ORANG

SENARAI KEHADIRAN

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

1. TUAN HAJI NOR ADZMI BIN BABA, *AMN* (G006460)
2. TUAN HAJI RUSLI BIN SULAIMAN (G003695)
3. ENCIK ALL JOHARI BIN IBRAHIM, *PKC* (G008860)
4. ENCIK MUSA BIN JAAFAR (G002203)
5. ENCIK MD NASIR BIN OMAR (G008922)
6. ENCIK SHAHIDAN BIN HAJI SAID (G009023)
7. ENCIK RAZAINI BIN AWANG (K001440)
8. ENCIK MOHD AZIZI BIN MOHD BASRI, *AMP* (K002824)
9. ENCIK WAN A'MRAN BIN WAN MOHAMED (K001222)

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

10. ENCIK BADARUL HISHAM BIN SHAHUDIN, *AMW* (G005002)
11. ENCIK AZIZ BIN HASHIM (K002790)
12. TUAN HAJI ZULKIFLI BIN OTHMAN (G007067)
13. ENCIK MUHAMAD FUAD BIN OMAR (G008759)

PERWAKILAN

PERAK

- | | |
|--------------------------------|-----------|
| 14. ENCIK ZAHARUDIN BIN MD ALI | (G003841) |
| 15. ENCIK RAZHARI BIN ISHAK | (G008816) |

KELANTAN DAN TERENGGANU

- | | |
|------------------------------------|-----------|
| 16. ENCIK KHAIRIL ANUAR BIN KHALID | (G009154) |
| 17. ENCIK MOHD ASRI BIN MAT NOR | (K001355) |
| 18. ENCIK ISMAIL BIN IBRAHIM | (K001852) |

PAHANG

- | | |
|---|-----------|
| 19. ENCIK HASNUL HADI BIN ZAINAL ABIDIN | (K002767) |
| 20. PUAN ROZITA BINTI ISMAIL | (K002915) |

MELAKA

- | | |
|------------------------------------|-----------|
| 21. PUAN SALOMI BINTI NAIM | (K000152) |
| 22. ENCIK MOHD KHAIRI BIN MOHD ZIN | (K001444) |

JOHOR

- | | |
|------------------------------------|-----------|
| 23. PUAN NOR AZIZAN BINTI SULAIMAN | (G002177) |
| 24. ENCIK SHAH ISHKANDAR BIN MUSA | (K002579) |
| 25. ENCIK SHAH MUDZAFFAR BIN MUSA | (K002656) |
| 26. PUAN SITI ZUBAIDAH BINTI MUSA | (K002707) |
| 27. PUAN NOR ASMA' BINTI ZAINAL | (K002896) |

KEDAH, PULAU PINANG DAN PERLIS

- | | |
|--|-----------|
| 28. ENCIK MOHD NASIR BIN MAT | (G005687) |
| 29. ENCIK KU AMMAR BIN KU ISMAIL | (K000137) |
| 30. ENCIK JUNAIDI BIN AZIZ | (K000162) |
| 31. PUAN ROSADAH BINTI HASHIM | (K002360) |
| 32. ENCIK RUSLI BIN IBRAHIM | (K002362) |
| 33. PUAN RATNA SOPINAZ BINTI BAHARUDIN | (K002907) |

SELANGOR

- | | |
|--|-----------|
| 34. ENCIK ISMAIL BIN TAHARIM | (G007180) |
| 35. PUAN SITI HAMIDAH BINTI ABDUL WAHID | (G008530) |
| 36. PUAN HAZILAH BINTI MAT JUNUS | (G008923) |
| 37. PUAN SENTAMIL SELVI A/P SUBRAMANIAM | (G008995) |
| 38. ENCIK SELVATHURAI A/L KASAVEN | (G009579) |
| 39. ENCIK MOHD HANAFI BIN SALAM | (K000816) |
| 40. ENCIK MOHD SHUKRY BIN ABDUL RAHMAN | (K000356) |
| 41. PUAN NURULASHIKIN BINTI MOHD ZAIN | (K000357) |
| 42. ENCIK WAN ABDUL BASHIR BIN WAN PUTEH | (K000766) |
| 43. PUAN AZLINDA BINTI AHMAD | (K001977) |
| 44. PUAN MARZRYAZLIN BINTI SAID | (K002021) |
| 45. PUAN SITI MASILAH BINTI RAKMAD | (K002225) |
| 46. ENCIK SANGAR A/L RAMALINGAM | (K002733) |
| 47. ENCIK NORAJMALI RIDZUWAN BIN ISMAIL | (K002765) |
| 48. PUAN RUHAYA BINTI SHARIF | (K002908) |
| 49. ENCIK ABDUL HALIM BIN WAN ISMAIL | (K002931) |
| 50. ENCIK MUHAMAD FAIRUS BIN ISMAIL | (K002932) |

WILAYAH PERSEKUTUAN

51. PUAN WAN ZAINAB BINTI WAN YAHYA	(G007855)
52. ENCIK ZULKIFLI BIN AB. GHANI	(G008213)
53. PUAN NORHEDA BINTI ISMAIL	(G009128)
54. ENCIK MOHD AZMI BIN MOHD DAUD	(K000084)
55. PUAN AMALIAH BINTI IBRAHIM	(K002710)
56. PUAN SURAYA BINTI MOHAMAD DIN	(K002712)
57. PUAN NOOR SHEILLA BINTI ZAINAL	(K002722)
58. PUAN MAZIAH BINTI BAHAROM	(K002723)
59. PUAN RAHIMAH BINTI AB RASHID	(K002724)
60. ENCIK MOHD SABRE BIN ABU BAKAR	(K002788)
61. ENCIK MAZLAN BIN HASAN	(K002789)
62. ENCIK SAIFUL AFANDY BIN SURATMAN	(K002813)
63. TN HJ WAN AMIRUDDIN BIN WAN ISMAIL	(K002817)
64. PUAN NOORAISHAH BINTI ABU BAKAR	(K002904)
65. PUAN JUNAIDAH BINTI OTHMAN	(K002909)
66. ENCIK MOHD RIZAL ANAZ BIN ABU BAKAR	(K002916)
67. PUAN NURLIZA BINTI MOHD KHALIL	(K002917)
68. ENCIK MUHAMAD ALME ISKANDAR BIN SAMSUDIN	(K002929)
69. ENCIK HEDZIR BIN MOHD ALI	(K002943)

i) Pengerusi Majlis

Encik Shahidan bin Haji Said (G009023), Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA.

Ucapan Alu-Aluan Pengacara Majlis

Encik Shahidan bin Haji Said (G009023), mengucapkan salam dan selamat bersidang kepada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan para perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-43 yang diadakan secara bersemuka. Beliau juga berharap Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan pada kali ini dapat dijalankan dengan teratur dan lancar mengikut tatacara mesyuarat.

ii) Bacaan Doa

Bacaan doa dipimpin oleh Encik Razaini Bin Awang (K001440), Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA Berhad.

iii) Perutusan Pengerusi Koperasi KOGUMA Berhad

1. Tuan Haji Nor Adzmi bin Baba, AMN (G006460), Pengerusi Koperasi KOGUMA Berhad mengucapkan salam dan berterima kasih atas kehadiran Anggota Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi, Pengerusi Negeri, para perwakilan dan staf Koperasi ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-43 secara bersemuka.
2. Pengerusi juga merakamkan penghargaan atas kehadiran tetamu undangan iaitu suami Allahyarhamah Puan Sophia Nor binti Dato' Saidin staf Koperasi KOGUMA Berhad yang telah kembali ke rahmatullah pada 08.05.2024, seterusnya mengucapkan salam takziah kepada ahli keluarga. Pengerusi memimpin bacaan Al-Fatihah bersama-sama dengan para hadirin untuk dihadiahkan kepada roh Allahyarhamah.
3. Pengerusi juga menyatakan bahawa beberapa orang telah dikenalpasti untuk merasmikan mesyuarat pada kali ini, atas kekangan waktu dan kesibukan yang tidak dapat dielakkan oleh perasmi yang telah dijemput, beliau sendiri merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-43 ini.
4. Pengerusi merakamkan penghargaan ucapan terima kasih atas komitmen tinggi yang diberikan oleh Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA Berhad kerana menurut beliau koperasi ini adalah hak kita bersama. Seterusnya beliau memperkenalkan setiap anggota

koperasi, bermula dari Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, ALK, JKAD, Pengerusi Negeri dan Staf Koperasi.

5. Pengerusi juga mengucapkan penghargaan kepada Rakan Strategik Perniagaan yang sudi hadir ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-43 ini. Selain mempelbagaikan urusan perniagaan, koperasi juga berusaha untuk menceburi bidang-bidang lain yang difikirkan perlu dan boleh dilaksanakan oleh pihak koperasi serta memberikan pulangan yang baik. Koperasi KOGUMA Berhad juga telah membuka keanggotaan kepada seluruh Penjawat Awam Persekutuan dan Negeri. Dengan usaha ini diharapkan koperasi dapat menambah keanggotaan bagi menjamin kesinambungan koperasi pada masa akan datang. Antara usaha terkini Koperasi KOGUMA Berhad adalah berkaitan dengan :-
 - a Coop Umrah.
 - b—Arwaa Food.
 - c Pembiayaan kepada anggota yang bersara.
 - d KOPSYA – Koperasi Kredit Patuh Syariah.
6. Pengerusi memaklumkan bahawa pada kali ini Koperasi KOGUMA Berhad akan membuat pemilihan ALK yang baharu dan ALK yang tamat tempoh boleh dipilih semula. Oleh itu, beliau memohon kepada perwakilan yang hadir supaya dapat membuat pemilihan yang terbaik. Seterusnya beliau mengharapkan agar semua anggota Koperasi KOGUMA Berhad dapat bersama-sama dengan penuh komited, berganding bahu dan bekerjasama demi meningkatkan prestasi Koperasi KOGUMA Berhad bagi tahun-tahun yang mendatang.
7. Perutusan Pengerusi Koperasi KOGUMA Berhad diakhiri dengan:
 - a Penyampaian surat pelantikan kepada Pengerusi Negeri yang baharu dilantik
 - b Sumbangan zakat dan wang ganjaran daripada Koperasi KOGUMA Berhad kepada Allahyarhamah Sophia Nor binti Dato' Saidin yang diwakili oleh suami beliau.
8. Pengerusi merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi Berhad Kali Ke-43 Tahun 2024.

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI KOGUMA BERHAD KALI KE-43 TAHUN 2024 DIMULAKAN

AGENDA 1:

MELANTIK Pengerusi Mesyuarat

- 1.1 Encik Shahidan bin Haji Said (G009023) menyerahkan kepada para perwakilan bagi pemilihan Pengerusi Mesyuarat.

Keputusan:

Encik Muhamad Fuad bin Omar (G008759) telah dipilih sebulat suara bagi mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-43 Tahun 2024.

Pencadang : Encik Badarul Hisham bin Shahudin (G005002)

Penyokong : Encik Zulkifli bin Othman (G007067)

- 1.2 Beliau memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan memohon semua perwakilan memberikan tumpuan, komitmen dan kerjasama supaya mesyuarat dapat dijalankan dengan lancar dan sempurna. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pengurusan merangkap Jawatankuasa Teknikal yang bertungkus lumus demi menjayakan dan melicinkan perjalanan mesyuarat pada kali ini.

- 1.3 Pengerusi Mesyuarat mengumumkan bahawa kehadiran perwakilan pada mesyuarat agung adalah seramai 69 / 74 orang dan jumlah ini melebihi dua pertiga (2/3) yang diperlukan bagi membolehkan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-43 ini diadakan.

- 1.4 Beliau juga memaklumkan bahawa agenda dan perbincangan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-43 dengan merujuk kepada Buku Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2023 yang telah diedarkan kepada para perwakilan secara dalam talian.

AGENDA 2:

MEMILIH ENAM (6) ORANG ANGGOTA PERWAKILAN DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI KOGUMA BERHAD UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI KOGUMA BERHAD KALI KE-43

2.1 Enam (6) orang anggota perwakilan yang telah dicadang dan dipilih adalah seperti berikut:

BIL	NAMA ANGGOTA	NO. ANGGOTA
1	Encik Ismail bin Ibrahim	K001852
2	Encik Mohd Khairi bin Mohd Zin	K001444
3	Encik Mohd Hanafi bin Salam	K000816
4	Encik Shah Ishkandar bin Musa	K002579
5	Encik Mohd Shukry bin Abdul Rahman	K000356
6	Encik Shah Mudzaffar bin Musa	K002656

2.2 Empat (4) orang yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA bagi penentusah draf minit mesyuarat diputuskan oleh Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA. Mereka adalah seperti berikut:

BI L	NAMA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI	NO. ANGGOTA
1	Tuan Haji Nor Adzmi bin Baba, <i>AMN</i>	G006460
2	Tuan Haji Rusli bin Sulaiman	G003695
3	Encik All Johari bin Ibrahim, <i>PKC</i>	G008860
4	Encik Wan A'mran bin Wan Mohamed	K001222

AGENDA 3:

MEMILIH DAN MELANTIK TIGA (3) ORANG PENGIRA KERTAS UNDI

- 3.1 Mesyuarat memutuskan pelantikan pengira kertas undi adalah seperti berikut:

BI L	NAMA ANGGOTA	NO. ANGGOTA
1	Puan Siti Zubaidah Binti Musa	K002707
2	Tuan Haji Wan Amiruddin Bin Wan Ismail	K002817
3	Encik Hedzir Bin Mohd Ali	K002943

AGENDA 4:

MENERIMA DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI KOGUMA BERHAD KALI KE-42 PADA 24 JUN 2023

- 4.1 Tuan Haji Rusli bin Sulaiman (G003695), Setiausaha Koperasi KOGUMA Berhad telah membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-42 pada 24 Jun 2023.
- 4.2 Beliau membentangkan minit mesyuarat tersebut dalam Buku Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2023 yang telah di-emelkan kepada para perwakilan dari muka surat 7 hingga muka surat 22 untuk diterima.
- 4.3 Encik Razhari bin Ishak (G008816) mencadangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-42 pada 24 Jun 2023 diterima dan disokong oleh Encik Zulkifli bin Abd Ghani (G008213).

AGENDA 5:

MEMILIH TIGA (3) ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI KOGUMA TAHUN 2024/2027 UNTUK MENGGISI JAWATAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI KOGUMA YANG TELAH CUKUP TEMPOH PERKHIDMATANNYA

- 5.1 Empat (4) orang anggota koperasi layak bertanding adalah seperti berikut:

BI L	NAMA ANGGOTA	NO. ANGGOTA
1	Encik Musa bin Jaafar	G002203
2	Encik Razaini bin Awang	K001440
3	Encik Mohd Azizi bin Mohd Basri, <i>AMP</i>	K002824
4	Encik Razhari bin Ishak	G008816

- 5.2 Pengundian dijalankan secara atas talian.

AGENDA 6:

- a. LAPORAN TAHUNAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI
- b. LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAM

- 6.1 Setiausaha Koperasi KOGUMA Berhad, Tuan Haji Rusli bin Sulaiman (G003695) membentangkan Laporan Tahunan Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Tahun 2023 dari muka surat 1 hingga muka surat 19 dalam Buku Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2023 yang telah diedarkan kepada para perwakilan untuk diterima.
- 6.2 Encik Razhari bin Ishak (G008816) mencadangkan Laporan Tahunan Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Tahun 2023 diterima dan disokong oleh Encik Abdul Halim bin Wan Ismail (K002931).

AGENDA 7:

MEMBENTANG LAPORAN KEWANGAN TAHUN 2023

- a. **MEMBENTANG DAN MENERIMA PENYATA KEWANGAN BERAUDIT BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**
- b. **LAPORAN JURUAUDIT LUAR**
- c. **PANDANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA MENGENAI AKAUN KEWANGAN TAHUN 2023**

- 7.1 Bendahari Koperasi KOGUMA Berhad, Encik All Johari bin Ibrahim, *PKC* (G008860), membentangkan Penyata Kewangan Beraudit berakhir pada 31 Disember 2023 dan Laporan Juruaudit Luar dari muka surat 1 hingga muka surat 36 dalam Buku Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2023 yang telah diedarkan kepada para perwakilan untuk diterima. Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Mengenai Akaun Kewangan Tahun 2023 hanya dinyatakan secara keseluruhan dan disahkan untuk diterima.
- 7.2 Encik Mohd Azmi bin Mohd Daud (K000084) mencadangkan Penyata Kewangan Beraudit berakhir pada 31 Disember 2023 dan Laporan Juruaudit Luar juga Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Mengenai Akaun Kewangan Tahun 2023 diterima dan disokong oleh Encik Mohd Khairi bin Mohd. Zin (K001444).

AGENDA 8:

MENIMBANG DAN MELULUSKAN ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2025

- 8.1 Bendahari Koperasi KOGUMA Berhad, Encik All Johari bin Ibrahim, *PKC* (G008860) membentangkan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2025 di dalam Buku Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2024 yang telah diedarkan kepada para perwakilan untuk diterima.
- 8.2 Encik Mazlan bin Hassan (K002789) mencadangkan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2025 diterima dan disahkan serta disokong oleh Encik Wan Abdul Bashir Bin Wan Puteh (K000766).

AGENDA 9:

MELULUSKAN CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

- a. PEMBAHAGIAN DIVIDEN ATAS SYER – 1.2%**
- b. PEMBAHAGIAN DIVIDEN ATAS YURAN – 0.3%**

- 9.1 Encik All Johari bin Ibrahim, *PKC* (G008860), Bendahari Koperasi KOGUMA Berhad memberikan penjelasan dan menerangkan keputusan untuk mencadangkan pembahagian dividen atas syer sebanyak 1.2% dan pembahagian dividen atas yuran sebanyak 0.3% untuk diterima.

- 9.2 Encik Zhaharudin bin Md Ali (G003841) mencadangkan Agenda 9: Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 iaitu pembahagian dividen atas syer dan pembahagian dividen atas yuran diterima dan disokong oleh Encik Mohd Azmi bin Mohd Daud (K000084).

AGENDA 10:

- (a) MEMBERI KUASA KEPADA JAWATANKUASA PENGURUSAN UNTUK PINJAMAN LUAR TIDAK LEBIH DARIPADA RM10,000,000.00 DENGAN FAEDAH TIDAK MELEBIHI DARIPADA FAEDAH PASARAN.**

- (b) MEMBERI KUASA KEPADA JAWATANKUASA PENGURUSAN UNTUK MELABUR TIDAK LEBIH DARIPADA RM10,000,000.00.**

- 10.1 Encik All Johari bin Ibrahim, *PKC* (G008860), Bendahari Koperasi KOGUMA Berhad mencadangkan agar Perkara (a) Memberi Kuasa Kepada Jawatankuasa Pengurusan Untuk Pinjaman Luar Tidak Lebih Daripada RM10,000,000.00 Dengan Faedah Tidak Melebihi Daripada Faedah Pasaran dan Perkara (b) Memberi Kuasa Kepada Jawatankuasa Pengurusan Untuk Melabur Tidak Lebih Daripada RM10,000,000.00 untuk diterima.

- 10.2 Encik Zhaharudin bin Md Ali (G003841) mencadangkan Perkara (a) dan Perkara (b) diterima dan disokong oleh Encik Mohd Hanafi bin Salam (K000816).

AGENDA 11:

MELANTIK SATU PANEL YANG TERDIRI TIDAK KURANG DARIPADA DUA FIRMA UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI

- 11.1 Encik All Johari bin Ibrahim, *PKC* (G008860), Bendahari Koperasi KOGUMA Berhad mencadangkan pelantikan firma audit untuk Juruaudit Luar bagi tahun 2024 diserahkan kepada Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA untuk membuat pemilihan supaya diterima.

- 11.2 Encik Zhaharudin bin Md Ali (G003841) mencadangkan lantikan Juruaudit Luar diserahkan kepada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), disokong oleh Encik Mohd Hanafi bin Salam (K000816).

AGENDA 12:

MENGUMUMKAN KEPUTUSAN UNDI PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI KOGUMA TAHUN 2024/2027

- 12.1 Keputusan pemilihan bagi jawatan Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA Berhad bagi tahun 2024/2027 diumumkan oleh Encik Aziz bin Hashim (K002790), Pengerusi Jurukira Undi.
Mereka adalah seperti berikut:

BI L	NAMA ANGGOTA	NO. ANGGOTA
1	Encik Mohd Azizi bin Mohd Basri, <i>AMP</i>	K002824
2	Encik Razaini bin Awang	K001440
3	Encik Musa bin Jaafar	G002203

AGENDA 13:

MENIMBANG DAN MELULUSKAN CADANGAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) KOPERASI

- 13.1 Setiausaha Koperasi KOGUMA Berhad, Tuan Haji Rusli bin Sulaiman (G003695) membentangkan Aturan-Aturan Koperasi Pindaan 2024 mulai muka surat 2 hingga muka surat 16 seperti yang telah diedarkan kepada para perwakilan untuk diterima.

- 13.2 Encik Zhaharudin bin Md Ali (G003841) mencadangkan Aturan-Aturan Koperasi Pindaan 2024 diterima, disokong oleh Encik Mohd Khairi bin Mohd. Zin (K001444).

AGENDA 14:
MEMBAHASKAN USUL-USUL (JIKA ADA)

14.1 Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa tiada usul dari perwakilan untuk dibincangkan. Anggota Lembaga membawa dua usul dalam mesyuarat hari ini iaitu:

14.1.1 Usul dari Anggota Lembaga Koperasi untuk menaikkan jumlah pembiayaan anggota baharu dari RM30,000.00 kepada RM50,000.00. Pembiayaan yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Pembiayaan Pembelian Barangan - Murabahah
- ii. Pembiayaan Bai' At –Tawarruq - Murabahah
- iii. Pembiayaan Tergempar - Murabahah
- iv. Pembiayaan Pakej Perkahwinan - Murabahah
- v. Pembiayaan Melanjutkan Pelajaran - Murabahah

14.1.2 Usul untuk menjalankan perniagaan dengan Syarikat Arwaa Food sebagai Penedar beberapa barangan keluaran Syarikat tersebut.

Dicadangkan : Encik Zhaharudin bin Md Ali (G003841) mencadangkan usul diterima.

Disokong : Encik Razhari bin Ishak (G008816)

Mesyuarat bersetuju secara sebulat suara.

AGENDA 15:
UCAPAN PENANGGUHAN


15.1 Encik Razhari bin Ishak (G008816) perwakilan dari Perak mencadangkan supaya elaun Mesyuarat Agung Kawasan dibayar mengikut zon atau daerah berpandukan jarak untuk ke tempat mesyuarat.

15.2 Puan Nor Azizan binti Sulaiman (G002177) perwakilan dari Johor mengucapkan tahniah kepada anggota yang telah dipilih bagi jawatan Anggota Lembaga Koperasi KOGUMA Berhad bagi tahun 2024/2027 semoga dapat menjalankan tugas dengan amanah.


15.1 Encik Zulkifli bin Abd Ghani (G008213) perwakilan dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencadangkan agar anggota yang dapat mendaftarkan anggota baharu paling ramai supaya diberi ganjaran semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad.

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Kali Ke-43 bagi Tahun 2024 ditangguhkan pada pada jam 1.00 tengah hari.

Dicatat oleh,



.....
Badarul Hisham bin Shahudin, AMW
(No. Anggota G005002)



.....
Haji Zulkifli bin Othman
(No. Anggota G007067)

Disemak oleh












.....
Tuan Haji Rusli bin Sulaiman
(Setiausaha Koperasi)
(No. Anggota G003695)

Disahkan oleh



.....
Tuan Haji Nor Adzmi bin Baba. AMN
(Pengerusi Koperasi)
(No. Anggota G006460)

JAWATANKUASA PENENTUSAH DERAH MINIT MESYUARAT

Bil.	Nama	Tandatangan
1	TUAN HAJI NOR ADZMI BIN BABA., <i>AMN</i>	
2	TUAN HAJI RUSLI BIN SULAIMAN	
3	ENCIK ALL JOHARI BIN IBRAHIM., <i>PKC</i>	
4	ENCIK WAN A'MRAN BIN WAN MOHAMED	
5	ENCIK ISMAIL BIN IBRAHIM	
6	ENCIK MOHD KHAIRI BIN MOHD ZIN	
7	ENCIK MOHD HANAFI BIN SALAM	
8	ENCIK SHAH ISHKANDAR BIN MUSA	
9	ENCIK MOHD SHUKRY BIN ABDUL RAHMAN	
10	ENCIK SHAH MUDZAFFAR BIN MUSA	

**CADANGAN
PEMBAYARAN DIVIDEN TAHUN 2024
KOPERASI KOGUMA BERHAD**

Dividen Syer : 1.25 %

Dividen Yuran : 0.33 %

**Perlu Mendapat Kelulusan
Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Dan
SKM**

Pada 21 Mei 2017

LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN 2024

*Laporan Tahunan
Anggota Lembaga Koperasi*

LAPORAN TAHUNAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera kepada semua anggota Koperasi KOGUMA Berhad.

Alhamdulillah, pertama dan selamanya marilah kita bersama-sama memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah dan kurnia serta keizinanNya jua maka kita masih lagi diberi kenikmatan dipanjang usia, diberikan kenikmatan kesihatan tubuh badan dan kenikmatan kelapangan masa untuk kita bersama-sama hadir dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi KOGUMA Berhad Ke - 44 pada 14 Jun 2025 di IDEAS Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Mesyuarat Kawasan:

Mesyuarat tersebut telah diadakan pada bulan Mac 2024 yang lalu melibatkan negeri Johor, Kedah, Perlis & Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu, Selangor dan Wilayah Persekutuan secara bersemuka. Mesyuarat bagi negeri Pahang, Melaka dan Negeri Sembilan dibuat secara atas talian. Perwakilan baharu yang dipilih di setiap kawasan dalam Mesyuarat Kawasan berkenaan adalah merupakan wakil untuk 2 tahun ke Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Koperasi KOGUMA Berhad (**Tahun 2024 & 2025**).

Kempen Anggota Baharu:

Mesyuarat Bulanan ALK telah bersetuju supaya insentif kemasukan anggota baharu dinaikkan dari RM50.00 ke RM100.00 berkuat kuasa Jun 2025 seperti yang dipersetujui dalam Mesyuarat Bulanan ALK Bil. 11/2025 pada 27 April 2025.

Unit Pematuhan Syariah ANGKASA :

Unit tersebut telah membuat semakan (**AUDIT**) terhadap keseluruhan produk dan pelaburan Koperasi KOGUMA, dan Koperasi KOGUMA Berhad layak memperbaharui dan kekal memegang Sijil Pematuhan Syariah bagi produk Pelaburan, Tawarruq, Murabahah, Qard dan Ar-Rahnu untuk tempoh 2 tahun lagi. Keseluruhan Pembiayaan dan Pelaburan Koperasi KOGUMA adalah patuh syariah sepenuhnya.

Portal Anggota :

Koperasi KOGUMA telah mengujudkan satu Portal Anggota KOGUMA. Anggota boleh mendaftar ke dalam portal tersebut dengan tujuan supaya anggota dapat membuat semakan sendiri berkaitan ;

- Yuran, Syer, Simpanan Khas dan Baki Pembiayaan .
- Mengemaskini maklumat peribadi.
- Link berikut - <http://portal.koguma.koop.net.my/Home/Login>

Kadar Caj Keuntungan Pembiayaan:

Mesyuarat Bulanan ALK Bil. 11/2025 pada 27 April 2025 telah bersetuju untuk membuat penyelarasan semula kadar keuntungan Koperasi KOGUMA adalah di antara yang terendah seperti berikut;

- Peribadi – Tawarruq/Tergempar 4.7% (kekal)
- Pelancongan 2.0% dinaikkan ke 2.5%
- Pembelian Barangan 3.5% (kekal)
- Pakej Perkahwinan 3.2% dinaikkan ke 3.5%
- Melanjutkan Pelajaran (*Master*) 3% dinaikkan ke 3.5%
- Umrah/Keagamaan 0% dinaikkan ke 1%
- Back To School 0% (kekal)

Peruntukan Bantuan Bencana – secara ‘one off’:

Koperasi KOGUMA menerima peruntukan wang Zakat – Wakalah dari pihak Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan untuk diagihkan kepada anggota-anggota yang terkesan dengan musibah banjir dan bencana-bencana lain. Anggota boleh menghubungi pejabat Koperasi KOGUMA untuk maklumat lanjut dengan menghantar surat permohonan yang disahkan oleh majikan / laporan polis. Pihak pengurusan koperasi akan menyalurkan bantuan secara ‘one off’ kepada anggota yang layak dan kaedah ini sedang dilaksanakan.

Senarai Rakan Strategik :

Koperasi KOGUMA telah menjalinkan rangkaian perniagaan sebagai rakan staregik yang baharu. Dinyatakan rakan-rakan strategik yang bekerjasama dengan koperasi adalah seperti berikut :

- | | |
|---------------------------------------|---|
| > Syarikat LMK Motor Biker Sdn. Bhd | - Pembekal Motorsikal |
| > Syarikat LG Sdn. Bhd | - Pembekal Barangan/Peralatan Elektrik |
| > Syarikat Xero 2 Hero Empire | - “Reka & Buat” Perkakasan dan Hiasan Dalam Rumah |
| > Syarikat Commbax Sdn. Bhd. | - Pembekal Peralatan ICT |
| > Syarikat Kumpulan Enak Rasa | - Perkhidmatan Pakej Perkahwinan |
| > Syarikat Hes Global Solution | - Perkhidmatan Perunding Program Latihan |
| > Syarikat Bluefrog Resources | - Pembekal Kit Jenazah |
| > Syarikat Hoco Malaysia | - Pembekal barangan /aksesori keperluan individu dan rumah |
| > Syarikat Waix Technologies Sdn.Bhd. | - Penyedia Platform pembelajaran secara online (tution online) Smartscoring |
| > Syarikat Solar Gading Kencana | - Perkhidmatan Pemasangan Sistem Solar |
| > Syarikat Rosyam Mart ST | - Pasaraya (Pemasaran Produk Arwaafod) |
| > Syarikat Petronas Mesra | - Stesen Minyak (Pemasaran Produk Arwaafod) |

Peranan Pengerusi Negeri:

- > Sebagai pegawai perhubungan negeri bagi pihak Koperasi KOGUMA;
- > Membantu/mencari anggota baharu dari negeri masing-masing;
- > Mengendalikan urusan mesyuarat Kawasan;
- > Mengenalpasti rakan strategik di setiap negeri; dan
- > Membuat hebahan kemasukan anggota baharu melalui media sosial

Penglibatan Ahli Lembaga Koperasi (ALK) Dengan Agensi Berkaitan Koperasi :

1. En. Shahidan bin Hj. Said mewakili koperasi dalam Mesyuarat Agung Coop-Bank Utama pada 30 Jun 2024 di Pusat Perdagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur.
2. Koperasi KOGUMA bersama Angkasa Pusat terlibat dalam Program Karnival Madani Sempena Bulan Koperasi Kebangsaan di Perlis dari 5 hingga 7 Julai 2024. Pihak koperasi telah memperkenalkan produk keluaran Arwaafod semasa program berkenaan sebagai pengedar tunggal barangan tersebut. Seramai 6 orang ALK akan bersama dalam program berkenaan seperti berikut:
 - 2.1 Tn. Hj. Nor Adzmi bin Baba
 - 2.2 Tn. Hj, Rusli bin Sulaiman
 - 2.3 En. All Johari bin Ibrahim
 - 2.4 En. Md Nasir bin Omar
 - 2.5 En. Shahidan bin Hj, Said
 - 2.6 En. Razaini bin Awang
3. Satu lawatan Koperasi KOGUMA bersama Puan Nurmurni binti Wahab, Pengurus Seksyen Pemborongan dan Peruncitan Angkasa Pusat akan melawat kilang Arwaafod di Kedah

Darul Aman pada 8 Julai 2024 (Isnin). Pengerusi dan semua ALK dalam Program Karnival Madani akan turut serta.

4. Koperasi telah menghadiri Konvensyen Persatuan Guru Besar Selangor (PGBS) yang telah diadakan pada 22 hingga 24 Julai 2024 di Hotel Grand Arora Alor Setar, Kedah. Tujuan kehadiran koperasi dalam konvensyen tersebut adalah untuk mendapatkan keanggotaan baharu melalui Guru Besar di sekolah-sekolah berkenaan. Dua (2) orang ALK akan bersama dalam program berkenaan iaitu En. Md Nasir bin Omar dan En. Razaini bin Awang.
5. Tuan Hj. Nor Adzmi bin Baba telah menghadiri Kongres Koperasi Negara pada 24 hingga 26 Julai 2024 di World Trade Center (WTC) Kuala Lumpur. Kongres tersebut telah dihadiri dari wakil-wakil koperasi dari seluruh negara seramai 3,000 orang secara fizikal.
6. Bendahari telah mengadakan janji temu dengan Puan Zila dari Bahagian Pemborongan dan Penruncitan Angkasa serta penyerahan surat tawaran pada 3 September 2024. Hasil dari perbincangan tersebut beberapa perkara telah dipersetujui iaitu penyerahan surat tawaran geran pembungkusan dan penjenamaan
7. En. All Johari bin Ibrahim telah menghadiri taklimat pembiayaan oleh Koperasi KOPSYA di MOCCIS Hotel, Kuala Lumpur akan diadakan pada 10 September 2024 (Selasa) jam 9.00 pagi.
8. En. Md Nasir bin Omar telah menghadiri Program Promosi Rakan Niaga anjuran Angkasa Wilayah Persekutuan akan diadakan pada 11 September 2024 (Rabu) di MOCCIS Hotel, Kuala Lumpur jam 9.00 pagi.
9. Koperasi KOGUMA telah menghantar wakil ke Bengkel Pembungkusan, Penjenamaan dan Perlabelan yang diadakan pada 11 hingga 13 Oktober 2024 di Hotel Tamu, Kuala Lumpur. Bengkel ini adalah anjuran Bahagian Pemborongan dan Peruncitan Angkasa. Seramai 4 orang iaitu Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan En. Md Nasir bin Omar telah hadir mewakili koperasi.
